


NASIONALISME BAHASA

Pancaroba Baharu



Usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah bermula sebelum merdeka lagi, iaitu sekitar tahun 1930. Kemudian, perjuangan untuk mempertahankan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara terus dilakukan selepas merdeka. Sehingga hari ini, usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih berterusan dilaksanakan.

Walaupun sudah hampir 60 tahun Malaysia mengecapi kemerdekaan, seakan-akan usaha itu harus terus dilakukan tanpa henti. Usaha memperkasakan bahasa Melayu seakan-akan tidak pernah

menemui titik yang wajar. Setiap detik, usaha memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu saban waktu kini semakin terhimpit dalam cabaran penuh pancaroba yang tidak terduga corak hambatan dan halangannya.

Kalau melihat perkembangan persuratan Melayu, kedudukan bahasa Melayu semasa penjajahan, perkembangannya sebelum kemerdekaan, selepas kemerdekaan, dan dalam era Malaysia jaya ini jelas memperlihatkan bahasa Melayu masih bergelut dengan penerimaan dan pemahaman secara total pelbagai pihak, khususnya oleh orang Melayu sendiri. Walhal, sewaktu Inggeris menjajah, mereka

melihat kedudukan bahasa Melayu sebagai simbol ketuanan orang Melayu.

Bahkan, kedudukan bahasa Melayu dijadikan agenda utama dalam laporan-laporan dan dasar-dasar penting seperti Perkara 152, Penyata Razak, Ordinan Pelajaran, Penyata Rahman Talib, Perlembagaan 1957, Akta Bahasa 1963 dan Akta Bahasa 1967 dan lain-lain. Dalam arena politik Tanah Melayu, telah muncul krisis ekoran Dasar Bahasa Kebangsaan sehingga menimbulkan satu tindakan yang dinamik dalam kegiatan nasionalisme dan politik tanah air.

Kemelut politik yang berlaku ini telah membuka mata pihak British tentang orang Melayu yang tidak puas hati sehingga mempengaruhi dasar British untuk menentukan hak dan ketuanan orang Melayu, terutamanya dalam soal bahasa. Selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah membuat rombakan yang besar dasar negara seperti dasar ekonomi, dasar pendidikan, dasar kebudayaan, dan beberapa bentuk dasar yang lain. Salah satunya ialah dasar yang cukup penting, iaitu Dasar Bahasa Kebangsaan.

Menurut Datuk Dr. Haji Awang Sariyan dalam Ceramah Umum di Universiti Malaysia Kelantan pada 30 November 2011 berjudul "Dasar Bahasa Kebangsaan dalam Pembinaan Negara"

menegaskan bahawa Dasar Bahasa Kebangsaan yang menetapkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu tidak sewajarnya dipandang remeh dan diganggu-gugat dengan pelaksanaan program yang melemahkan dasar tersebut. Sebaliknya dasar itu perlu diperkuatkan dengan pengisian program dan pelaksanaannya secara tegas dan meluas dalam segenap bidang kehidupan bertamadun di negara ini.

Justeru, bantahan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan yang terbaharu *Dual Language Program* (DLP) merupakan lanjutan usaha-usaha memperkasakan bahasa Melayu yang jelas terpinggir. Mungkin ada yang beranggapan bahawa bantahan oleh pejuang bahasa ini sebagai fanatik terhadap bahasa Melayu. Namun, realitinya hal yang sedemikian inilah konsep nasionalisme bahasa yang menyedari dan memahami keperibadian dan keberadaan bahasa Melayu sebagai bahasa sebuah negara bangsa.

Menurut Hans Kahn dalam *International Encyclopedia of The Social Sciences*, nasionalisme merupakan gerakan untuk menciptakan masyarakat yang lebih terbuka dan untuk mendapatkan kebahagiaan perseorangan bagi menjamin kemerdekaan warganegara dan membebaskan akal dan fikiran. Dengan kata lain, nasionalisme itu merupakan satu semangat.

Oleh sebab itu, kebudayaan seperti agama, bahasa, dan lain-lain boleh menimbulkan semangat nasionalisme. Melalui elemen-elemen tersebut juga diharapkan mampu mewujudkan semangat yang dapat melahirkan satu identiti yang baharu bagi negara yang dijajah. Semangat nasionalisme juga dapat melahirkan perasaan bersatu padu dalam kalangan rakyat yang dijajah.

Nasionalisme merupakan pemikiran dan tindakan yang



menunjukkan cinta pada bangsa dan negara. Elemen penting yang terkandung dalam nasionalisme ialah patriotisme, iaitu perasaan cinta pada tanah air. Nasionalisme juga merangkumi gerakan yang dilancarkan bagi menjamin ataupun mengembalikan kebaikan golongan majoriti, iaitu lazimnya rakyat, bagi meruntuhkan *status quo* yang sekian lama, seperti gerakan revolusi yang telah berlaku dalam Revolusi Perancis.

Dalam konteks Asia Tenggara, semangat nasionalisme wujud secara serius pada abad ke-20. Manakala dalam konteks orang Melayu pula, nasionalisme merujuk perjuangan mereka untuk mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negaranya sendiri, iaitu sebelum kedatangan penjajah. Secara keseluruhannya, nasionalisme bertujuan membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing. Namun begitu, pengertian nasionalisme dalam konteks selepas merdeka pula lebih merupakan sebagai satu perjuangan bagi mempertahankan maruah dan mempertinggi martabat serta kedaulatan negara.

Justeru, dalam konteks nasionalisme bahasa bermakna perasaan cinta pada bahasa kebangsaan demi maruah, dan meletakkan martabat bahasa Melayu sebagai salah satu ciri yang mendukung kedaulatan negara. Namun, dalam era Malaysia menganjak untuk menjadi negara maju, nasionalisme terhadap bahasa kebangsaan semakin menipis. Bahasa kebangsaan semakin terhimpit untuk berada dalam pembangunan negara. Sehingga peranannya tidak dipedulikan, sama ada sebagai satu ciri yang sememangnya telah ada dalam perlembagaan, atau sebagai wahana masyarakat dalam komunikasi, perkembangan keilmuan, mengukuhkan perpaduan, dan sebagainya. Maka, pelbagai cabaran dan hambatan dihadapi oleh bahasa kebangsaan tanpa pembelaan yang rasional dan wajar.

Menurut Datuk Dr. Hassan Ahmad dalam akhbar *Berita Harian* pada 16 Jun 2002, bahasa penting dalam segala aspek kehidupan manusia, masyarakat dan negara. Bahasa Melayu bukan hanya untuk dikaji dan dihirai berdasarkan sistem linguistiknya, peraturan tatabahasanya dan sistem fonologinya tetapi juga menjadi fungsi atau budaya dan nilai sosial terhadap pemakai bahasa itu.

Bahasa Melayu telah mantap dalam sosiolinguistik yang mengkaji fungsi sosial bahasa. Bahasa Melayu juga telah kukuh dalam psikolinguistik yang meneliti minda atau otak manusia apabila dia mengeluarkan atau mengucapkan bahasa dan memahami bahasa. Begitu juga halnya dalam antropologi budaya bahasa yang mengkaji hubungan genetik atau budaya antara bahasa dengan bangsa atau kumpulan etnik yang menggunakan bahasa serta pelbagai dimensi lain tentang wibawa bahasa Melayu.

Namun, timbul pula soal "nasionalisme bahasa" yang termasuk dalam kajian sains politik. Soal yang dikaji ialah peranan bahasa sebagai alat politik. Misalnya, cara bahasa digunakan untuk membangkitkan kesedaran bahawa bahasa penting sebagai pembentuk kesatuan politik yang disebut "negara" atau "negara bangsa". Sering kali, "politik bahasa" ini menyebabkan sesebuah negara menggubal dasar bahasa atau membuat undang-undang mewajibkan warganegara menggunakan satu-satu bahasa yang dipilih sebagai bahasa rasmi negara itu.

Dasar ini telah dipraktik di Malaysia. Walhal sebagai rakyat yang mengaku diri warga sebuah negara bangsa bernama Malaysia, sepatutnya tidak timbul lagi isu mempersoalkan kegunaan, keupayaan, dan wibawa bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa mencakupi

keseluruhan hidup manusia sebagai alat pemikiran, alat budaya, sebagai sumber kemajuan dan tamadun, serta sumber kestabilan masyarakat dan negara.

Menurut Profesor Dr. Teo Kok Seong dalam *Berita Harian* pada 29 Januari 2015, kenyataan sesetengah pihak, khususnya daripada kalangan bukan Melayu, bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini adalah semata-mata untuk tujuan komunikasi antara rakyat, bukan sahaja dangkal tetapi juga memperlihatkan betapa jahilnya beberapa pihak tertentu tentang hubungan antara nasionalisme dan patriotisme dengan bahasa negara.

Sehubungan dengan itu, mereka menolak kaitan antara semangat kebangsaan dan patriotik dengan kecekapan berbahasa Melayu. Bagi mereka, peranan bahasa Melayu cuma untuk membolehkan rakyat berhubung antara satu sama lain. Hal yang sedemikian itu pun untuk mereka yang ingin menggunakannya. Dalam hal ini, bagi mereka, kecekapan berbahasa Melayu tidak penting. Asalkan sahaja bahasa Melayu yang digunakan itu berjaya memenuhi tujuan komunikasi, perannya bukan sahaja disifatkan sudah terlaksana dalam berkongsi mesej antara penyampai dengan penerima tetapi juga dianggap berjaya menjadi wahana interaksi antara kaum apabila digunakan antara penutur Melayu dengan yang bukan Melayu. Tidak dapat dinafikan semua hal yang sedemikian ini penting. Bagaimanapun, menjadi kesalahan besar kalau itu sahaja peranan bahasa penting yang difikirkan, lebih lagi apabila bahasa berkenaan merupakan bahasa negara.

Sebagai bahasa negara, bahasa Melayu hendaklah dikuasai dengan baik oleh setiap warga negara Malaysia. Hal ini wajib bukan sahaja kerana termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi juga penting kerana mempunyai kaitan dengan sikap rakyat tentang

jati diri negara dan cara mereka sebagai warganegara, mendukung selain memeliharanya pada setiap masa.

Sebagai warganegara Malaysia, kita wajib mempunyai pengetahuan yang baik tentang bahasa Melayu, iaitu bahasa negara kita. Selain itu, kita juga harus fasih menuturnya. Berdasarkan aspek kenegaraan pula, selaku warga negara, kita wajib membantu untuk menegaskan dan menegakkan kedaulatan Malaysia, khususnya dari aspek budaya. Antaranya termasuklah memperlihatkan perasaan bangga, sayang, dan setia pada bahasa negara.

Jelas bahawa bahasa bukan sahaja merupakan suatu wadah pertuturan yang digunakan sebagai medium komunikasi antara satu sama lain. Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa pertuturan yang digunakan oleh masyarakat tanpa mengira warna kulit, dan oleh hal yang demikian, bahasa menjadi alat perpaduan. Apabila memperkatakan perpaduan, maka isu utamanya ialah perkongsian makna kecitaaan pada negara dan pemahaman antara satu dengan yang lain melalui satu bahasa yang difahami dan disepakati.

Maka, kita sebagai warga Malaysia harus bersama-sama mendepani cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu, antaranya termasuklah dalam aspek perkembangan teknologi. Era teknologi juga telah meletakkan bahasa Melayu pada satu tahap yang dianggap kurang penting kerana peralatan dan perisian komputer pada masa kini menggunakan bahasa-bahasa asing seperti Jepun, Inggeris, dan juga Rusia yang merupakan negara pengeluar teknologi tersebut.

Kesannya, semangat cintakan bahasa semakin pudar kerana rakyat tidak melihat bahasa Melayu sebagai satu aset yang penting untuk maju sedangkan kita sepatutnya lebih gigih berusaha untuk memartabatkan bahasa Melayu

melalui penerokaan dalam bidang teknologi dan sains seperti yang dilakukan oleh masyarakat negara Jepun sehinggakan mereka mampu menggunakan seratus peratus bahasa Jepun dalam semua bidang, termasuk sukatan pelajaran di negara mereka.

Dalam isu bahasa rojak pula, hal yang sedemikian ini masih berterusan berlaku dalam perkembangan semasa, sama ada secara langsung melalui media, atau kegunaan harian, hinggalah peringkat rasmi seperti dalam sebuah mahkamah. Bahkan, pada tahun 1985 lagi Tun Salleh Abbas telah membuat teguran bahawa beliau amat kesal dengan sikap peguam-peguam yang tidak menggunakan bahasa Melayu ketika membentangkan hujah, sebaliknya mengutamakan bahasa penjahaj, iaitu bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi mereka dalam lapangan pengadilan. Justeru, beliau telah menggesa supaya bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di mahkamah rendah, mahkamah majisterit, dan mahkamah tengah.

Kelangsungan cadangan beliau itu, Majlis Peguam Negara pada tahun 1986 telah membuat keputusan supaya bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di mahkamah dalam tempoh 20 tahun. Namun, kini telah lebih 30 tahun berlalu, bahasa Melayu masih "dijojakkan" oleh pelbagai pihak dan dalam pelbagai bidang.

Kemerosotan penggunaan bahasa Melayu tidak harus dilihat secara umum, sebaliknya secara khusus. Hal yang sedemikian ini membolehkan penumpuan diberikan secara lebih proaktif. Justeru, dasar pendidikan negara perlu dilihat secara lebih halus dan mendalam kerana dasar ini yang menjadi akar kepada perkembangan bahasa Melayu kini.

Hal ini penting, kerana apabila kita menoleh sejenak awal 1980-an, pada waktu itu kerajaan giat mempromosikan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan

masyarakat Malaysia. Pelbagai usaha dan gerakan dilakukan. Namun, usaha tersebut terbantu pada pertengahan jalan kerana wujud anasir-anasir tertentu yang menjadi kekangan.

Barangkali, kita harus merenung dan menghayati kata-kata Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Majlis Kongres Tamadun Melayu bahawa pengajian bahasa Melayu tidak seharusnya hanya mampu menggali, mencari, dan mengilap-gilap terma budaya Melayu yang lama dahulu, tetapi seharusnya mampu menganggap pengertian dinamisnya dalam konteks perubahan masyarakat Malaysia moden yang sedang memasuki abad ke-21. Hal ini dikatakan demikian kerana akhirnya, individu yang menukar dasar melihat dinamisnya dalam konteks perubahan masyarakat Malaysia moden ini ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Maka, kita harus mempersoalkan yang tersurat dan yang tersirat untuk memaknakan nasionalisme bahasa yang selama ini telah dilakukan. Mahu tidak mahu, kita harus merentasi satu dimensi yang jauh ke hadapan untuk menjadikan bahasa Melayu tetap relevan, berkemampuan, dan berwibawa menakluki pemikiran, kemahiran, dan keberadaan negara bangsa yang bernama Malaysia.

Sebagai renungan, marilah kita sama-sama menghayati petikan daripada "*Hikayat Abdullah*", iaitu: "Adalah suatu hairan lagi tercengang aku sebab melihat dan memikirkan hal orang Melayu ini belum sedar akan dirinya, dia tinggal dalam bodohnya itu oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya, maka mustahil pada akal adakah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai dengan sendirinya. Bukankah segala bangsa di dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya?" DB